

Laksanakan dasar pengangkutan lebih berkesan

Kuala Lumpur: Kesesakan lalu lintas di Lembah Klang dijangka terus meningkat sekiranya tiada perancangan dan dasar pengangkutan lebih berkesan dilaksanakan pihak berwajib dan kerajaan.

Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam Universiti Sains Malaysia, Prof Madya Dr Nur Sabahiah Abdul Sukor, berkata orang ramai hanya mampu mengelak perjalanan pada waktu puncak, namun jika semua berbuat demikian, kesesakan tetap tidak dapat dielakkan.

Beliau berkata, dasar pengangkutan perlu mengambil kira pelbagai faktor termasuk pembangunan guna tanah, akses pengangkutan awam untuk semua golongan seperti warga emas, orang kurang upaya, kanak-kanak dan wanita, selain menggalakkan mobiliti aktif bagi perjalanan jarak dekat.

“Infrastruktur yang selesa serta alternatif, selain kenderaan persendirian perlu diwujudkan bagi membentuk sistem mobiliti pintar dan mampan,” katanya.

Beliau turut menjelaskan bahawa pendekatan bekerja dari



Keratan akhbar BH, semalam.

rumah (BDR) hanya sesuai untuk sektor tertentu, manakala sektor perkhidmatan awam lebih sesuai untuk mengamalkan waktu kerja fleksibel dengan perancangan rapi.

Sementara itu, Ketua Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Universiti Putra Malaysia, Prof Dr Law Teik Hua, mencadangkan majikan melaksanakan BDR dan waktu kerja anjal secara berkala bagi mengurangkan jumlah kenderaan pada waktu puncak.

“Jika 10 hingga 20 peratus pekerja tidak berada di jalan raya pada masa sama, impaknya terhadap pengurangan kesesakan boleh menjadi signifikan,” katanya.

Beliau berkata, penggunaan

waktu kerja anjal juga mampu menyebarkan aliran trafik kepada tempoh lebih panjang, sekali gus mengelakkan lonjakan kenderaan pada satu-satu masa.

Malah, katanya, pendekatan itu bukan sahaja mengurangkan tekanan trafik, malah meningkatkan keseimbangan kerja dan kehidupan serta menyumbang kepada sistem mobiliti bandar yang lebih mampan.

Teik Hua berkata, pendekatan paling realistik ialah memperkuh pengurusan trafik secara dinamik berasas data masa nyata melalui teknologi pintar seperti Sistem Pengesanan Insiden Jalan Raya Automatik (ARIDS).

Beliau berkata, sistem itu boleh diperluaskan di bandar utama dengan sokongan pusat kawalan trafik bersepadu yang mampu melakukan analisis ramalan dan simulasi rangkaian.

“Dalam jangka panjang, bandar besar seperti Lembah Klang tidak boleh hanya menambah ja-

lan raya, sebaliknya perlu membentuk ekosistem mobiliti pintar yang menggabungkan infrastruktur, teknologi, dasar dan perubahan tingkah laku masyarakat secara holistik,” katanya.

Berdasarkan data rasmi, beliau berkata, Malaysia merekodkan lebih 38 juta kenderaan berdaftar setakat 2024, dengan Kuala Lumpur sahaja mencatat hampir tiga juta kenderaan.

Namun, jumlah kenderaan yang memasuki ibu negara setiap hari jauh lebih tinggi akibat pergerakan

ulang-alik penduduk Selangor ke tempat kerja, dengan anggaran enam hingga tujuh juta perjalanan kenderaan berlaku setiap hari di Lembah Klang pada waktu puncak.

Peluasan guna ARIDS

Dalam pada itu, beliau turut mencadangkan peluasan penggunaan ARIDS ke semua kawasan



Nur Sabahiah

bandar utama bagi mengesan kemalangan dan menganalisis kesesakan secara masa nyata.

Sistem itu juga, katanya, berupaya menyelaraskan lampu isyarat secara automatik serta menyalurkan maklumat trafik kepada pengguna bagi membolehkan mereka memilih laluan alternatif lebih awal.

Beliau turut menekankan kepentingan menambah baik rangkaian pengangkutan awam, khususnya akses dari kawasan kediaman ke stesen Transit Aliran Ringan (LRT) serta sambungan ke destinasi akhir.

Mengambil contoh Tokyo dan Singapura, beliau berkata, kedua-dua negara itu berjaya mengurus kesesakan melalui gabungan pengangkutan awam cekap, kawalan pemilikan kenderaan serta pengurusan permintaan trafik.

Katanya, Malaysia perlu menyesuaikan pendekatan terbabit mengikut konteks tempatan dengan memperkuh pengangkutan awam, perancangan guna tanah dan mekanisme pengurusan permintaan secara berperingkat.